



Ruj. Kami : JPA(S)TT. 7076 Jld.9/(101)

Tarikh : 28 November 2003

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan,

**KEWAJIPAN MENGISYTIHARKAN HARTA OLEH PEGAWAI AWAM DI
BAWAH PERATURAN 10, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa selaras dengan usaha untuk memelihara dan mempertingkatkan tahap integriti perkhidmatan awam, Kerajaan telah memutuskan supaya semua pegawai awam mengemaskini perisytiharan harta masing-masing.

3. Bagi melaksanakan keputusan tersebut, semua pegawai awam dikehendaki membuat perisytiharan harta berdasarkan keadaan berikut:

3.1 Pegawai Yang Belum Pernah Mengisytiharkan Harta

Pegawai yang belum pernah mengisytiharkan harta semenjak dilantik, hendaklah mengisytiharkan harta kepada Ketua Jabatan masing-masing **tidak lewat daripada 31 Mac 2004** dengan menggunakan borang seperti di **LAMPIRAN 'A'**.

3.2 Pegawai Yang Pernah Mengisytiharkan Harta Tetapi Tempohnya Telah Melebihi Lima Tahun


Pegawai yang pernah mengisytiharkan harta sebelum ini tetapi tempohnya telah melebihi lima tahun dari tarikh perisytiharan terakhir, hendaklah membuat perisytiharan harta yang baru kepada Ketua Jabatan masing-masing **tidak lewat daripada 31 Mac 2004**. Bagi tujuan surat edaran ini, perisytiharan yang dimaksudkan ialah:

- (i) Perakuan “Tiada perubahan” ke atas pemilikan harta yang telah diisytiharkan sebelum ini sekiranya dalam tempoh tersebut pegawai tidak memperoleh atau melupuskan apa-apa harta. Perakuan ini hendaklah menggunakan borang seperti di **LAMPIRAN ‘A’ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002**;
- (ii) Perisytiharan harta tambahan sekiranya dalam tempoh tersebut pegawai telah memperolehi apa-apa harta. Perisytiharan harta tambahan ini hendaklah menggunakan borang yang sama seperti yang dinyatakan di perenggan 3.1 di atas; dan
- (iii) Perisytiharan pelupusan harta sekiranya dalam tempoh tersebut pegawai ada melupuskan apa-apa harta. Perisytiharan pelupusan harta hendaklah menggunakan borang seperti di **LAMPIRAN ‘C’ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002**.

4. Sukalah Jabatan ini mengingatkan bahawa kegagalan mana-mana pegawai mematuhi arahan ini selepas 31 Mac 2004 akan menyebabkan mereka dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

s.k.

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

BORANG PERISYTIHARAN HARTA KALI PERTAMA DAN TAMBAHAN

(Diisi dalam 3 salinan - contoh pengisian seperti di belakang)

1. KETERANGAN MENGENAI PEGAWAI

(i) Nama :

(ii) No. K/P :

(iii) Jawatan/Gred :

2. JUMLAH PENDAPATAN DAN TANGGUGAN BULANAN

Pendapatan **Tanggunggan**

Pegawai :

Isteri/Suami :

3. KETERANGAN MENGENAI PERISYTIHARAN HARTA: (i) KALI PERTAMA (ii) TAMBAHAN [Tandakan (✓)]

Jenis Harta	Pemilik Harta	Nilai Perolehan/ Simpanan	Punca Kewangan (pinjaman, simpanan emolumen atau hasil pelupusan harta)

Disemak oleh :

Diambil maklum oleh :

.....
(Tandatangan Pegawai)

Tarikh :

.....
(Tandatangan Urus Setia)Nama :
Tarikh :.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)Nama :
Jawatan :
Tarikh :

(Contoh pengisian)

BORANG JPA(T)1/03

BORANG PERISYTIHARAN HARTA KALI PERTAMA DAN TAMBAHAN

1. KETERANGAN MENGENAI PEGAWAI

(i) Nama : Mohammad bin Riduan
(ii) No. K/P : 560311-08-7737
(iii) Jawatan/Gred : Pegawai Tadbir, Gred N48

2. JUMLAH PENDAPATAN* DAN TANGGUNGAN* BULANAN

	Pendapatan	Tanggungan
Pegawai :	RM5,600.00	RM3,000.00
Isteri/Suami :	RM3,000.00	RM1,000.00

3. KETERANGAN MENGENAI PERISYTIHARAN HARTA: (i) KALI PERTAMA (ii) TAMBAHAN [Tandakan (✓)]

Jenis Harta	Pemilik Harta	Nilai Perolehan/ Simpanan	Punca Kewangan (pinjaman, simpanan emolumen atau hasil pelupusan harta)
1. Rumah Teres 2 Tingkat	Sendiri	RM230,000.00	Pinjaman kerajaan : RM200,000.00 Baki : RM30,000.00 dari simpanan emolumen
2. Kereta	Sendiri	RM60,000.00	Pinjaman bank : RM60,000.00
3. Tanah Pertanian	Isteri	Tiada	(Pusaka)
4. ASB	Sendiri	RM50,000.00	Pinjaman bank : RM50,000.00
5. Wang Simpanan	Anak	RM10,000.00	Simpanan Emolumen

Disemak oleh :

Diambil maklum oleh :

.....
(Tandatangan Pegawai)
Tarikh : 13 November 2003

.....
(Tandatangan Urus Setia)
Nama : Zahari bin Ahmad
Tarikh : 14 November 2003.

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)
Nama : Mohd. Shariff bin Ali
Jawatan : Setiausaha Bahagian Kewangan
Tarikh : 17 November 2003

* Pendapatan : Gaji + Elaun + Lain-lain Punca Sah

Tanggungan : Ansuran + Lain-lain Perbelanjaan